



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

A) OPERASI DAN LATIHAN

1. Adakah ATM terlibat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Ya. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Menteri Pertahanan selaku Pengerusi Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada 20 Mac 2020, ATM akan diaturgerak membantu pihak PDRM bermula Ahad 22 Mac 2020. Penglibatan tentera ini mengikut Seksyen 5 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi kuasa kepada mana-mana agensi yang difikirkan perlu untuk melaksanakan peraturan yang dikenakan.

2. Adakah ATM meneruskan operasi khususnya kawalan-kawalan di sempadan Negara?

Ya. Pelaksanaan Operasi ATM diteruskan dengan mengekalkan penempatan sedia ada di dalam dan luar negara di Kawasan Tanggungjawab. Pengekalan penempatan operasi ini merupakan salah satu proses pencegahan penularan wabak.

3. Adakah latihan dan kursus anggota ATM/ Sukarela masih berjalan sepanjang tempoh ini?

Tidak. Semua kursus dan latihan dalam dan luar negara dibekukan bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020.

4. Adakah pengambilan anggota perajurit baru masih dilaksanakan?

Pada masa kini pengambilan anggota perajurit baru adalah ditangguhkan sehingga tarikh yang akan dimaklumkan.

B) KESIHATAN

5. Adakah Hospital ATM menerima orang awam untuk membuat saringan pemeriksaan COVID-19?

Pada masa ini, pesakit awam yang mempunyai simptom-simptom dijangkiti COVID-19 boleh membuat pemeriksaan saringan di Hospital ATM tetapi pemeriksaan pengesahan hanya boleh dilakukan oleh hospital-hospital yang telah ditetapkan oleh pihak KKM.

C) MUZIUM TENTERA DARAT

6. Adakah Muzium Tentera Darat beroperasi sepanjang PKP berkuatkuasa?

Tidak. Muzium Tentera Darat ditutup buat sementara waktu.

D) JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV)

7. Adakah kaunter Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM masih beroperasi?

Tidak. Kaunter Khidmat Pelanggan JHEV ATM di setiap Bahagian dan Negeri adalah ditutup. Bagaimanapun, sebarang urusan atau permohonan masih boleh dibuat secara atas talian dengan menghubungi talian hotline JHEV di nombor 03-2050 8000 atau melalui email www.jhev_atm.com.

8. Adakah urusan bantuan kebajikan kepada warga Veteran ATM masih dilaksanakan?

Ya. Semua bantuan kebajikan termasuk di negeri yang dimohon dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan diproses mengikut garis panduan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti biasa. Bantuan Kebajikan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a. Bantuan Sara Hidup (BSH).
- b. Bantuan Peralatan Pesakit
- c. Bantuan Bencana Alam
- d. Kemasukan Ke Universiti Awam (UA) / Politeknik.
- e. Bantuan Persekolahan

9. Bagaimana pula urusan pencen kepada warga Veteran ATM?

Urusan pencen berjalan seperti biasa.

E) SALURAN MAKLUMAT RASMI

10. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Kementerian Pertahanan dan ATM?

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi talian *hotline* yang disediakan di **03-2059 8400** atau melayari media sosial rasmi Kementerian Pertahanan dan ATM.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN
21 MAC 2020**